



## KENYATAAN MEDIA TIMBALAN PERDANA MENTERI

### TVET TERUS DIPERKASA MELALUI TRANSFORMASI SEKTOR PERTANIAN DAN PEMBINAAN

Hari ini saya telah mempengerusikan **Mesyuarat Majlis TVET Negara (MTVET) Bil. 2/2026** untuk meneliti pelbagai agenda strategik ke arah memperkukuh ekosistem TVET negara, khususnya dalam sektor-sektor yang menjadi tunjang pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.

Selaras dengan komitmen Kerajaan untuk memperkukuh pembangunan bakat negara berasaskan kemahiran, mesyuarat hari ini turut meneliti **hala tuju pemerksaan TVET Pertanian** sebagai antara agenda strategik bagi menyokong pembangunan sektor agromakanan dan keterjaminan makanan negara.

Mesyuarat turut memberi perhatian kepada isu pembangunan bakat dalam sektor agromakanan susulan cabaran yang dikenal pasti dalam bidang TVET Pertanian, termasuk aspek kebolehpasaran graduan, pekerjaan berkemahiran tinggi serta ketidakpadanan pekerjaan dalam kalangan graduan kemahiran. Mesyuarat mengambil maklum dapatan yang dibentangkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berhubung keperluan memperkukuh pembangunan bakat bagi meningkatkan produktiviti, inovasi dan daya saing sektor tersebut.

Memandangkan isu ini mempunyai implikasi yang lebih luas terhadap keterjaminan makanan, pembangunan bakat dan pertumbuhan ekonomi negara, **saya telah mencadangkan supaya perkara ini dibawa ke perhatian Jemaah Menteri melalui penyediaan Memorandum Jemaah Menteri** bagi membolehkan keputusan dasar yang lebih menyeluruh dan bersepadu dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Mesyuarat turut mengambil maklum **Pelan Pelaksanaan TVET Pembinaan CIDB Malaysia 2026–2030** yang dirangka bagi memperkukuh peranan CIDB sebagai peneraju TVET Pembinaan negara. Pelan ini memberi fokus kepada transformasi ekosistem latihan pembinaan melalui pengukuhan tadbir urus,

pemacuan transformasi digital, pemantapan laluan kerjaya serta pengukuhan kerjasama strategik bersama industri.

Melalui pelaksanaan pelan ini, sektor pembinaan akan diperkasa dengan pembangunan **tenaga kerja yang lebih kompeten, berkemahiran tinggi dan bersedia menghadapi perubahan teknologi** termasuk pendigitalan, automasi dan inovasi dalam industri pembinaan. Inisiatif ini juga akan menyokong keperluan industri terhadap tenaga kerja mahir tempatan serta memperkukuh daya saing sektor pembinaan negara di peringkat serantau dan global.

Dalam masa yang sama, turut mengambil maklum persediaan **Sambutan Hari TVET Negara 2026** yang akan berlangsung pada **5 hingga 7 Jun 2026 di Dataran Putrajaya** dengan tema **“TVET Pilihan Utama Kerjaya”**. Sambutan ini dijangka **menghimpunkan lebih 500,000 pengunjung** menerusi pelbagai program seperti pameran TVET dan industri, karnival kerjaya, seminar antarabangsa, pertandingan kemahiran serta forum industri, sekali gus menjadi platform nasional untuk mempromosikan TVET dan memperkukuh kerjasama strategik antara institusi latihan dan pihak industri.

**Kerajaan akan terus memperkukuh TVET sebagai agenda nasional bagi melahirkan modal insan berkemahiran tinggi.** Saya yakin melalui kerjasama erat antara kerajaan, industri dan institusi latihan, TVET akan terus melahirkan bakat yang kompeten, inovatif dan berdaya saing untuk memacu kemajuan negara.

**AHMAD ZAHID BIN HAMIDI**  
Timbalan Perdana Menteri  
Pengerusi Majlis TVET Negara

*4 Jun 2026*